

PANDUAN MENURUT SYARAK KETIKA MENGHADAPI WABAK COVID-19

Norita Kamaruddin¹

¹Faculty of Syariah & Jurisprudence, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email : norita@kuis.edu.my

Abstrak

Pada penghujung 2019, masyarakat dikejutkan dengan suatu fenomena baharu yang belum pernah dialami di dunia. Kemunculan penyakit yang dikenali sebagai virus COVID-19 menyebabkan seluruh masyarakat dunia menjadi panik dan ketakutan kerana ia boleh menyebabkan kematian. Pelbagai langkah dan inisiatif dilaksanakan oleh masyarakat dunia untuk mengekang virus ini daripada terus merebak ketempat lain. Di antara langkah yang telah diambil dan menampakkan keberkesanannya dalam mengawal jangkitan virus itu adalah kawalan pergerakan dan jarak sosial. Selain daripada itu, penjagaan kebersihan pada tahap maksimum turut membantu menyekat COVID-19 daripada merebak. Justeru itu, kertas kerja ini bertujuan untuk menjelaskan tentang panduan menghadapi menghadapi wabak Covid-19. Kajian ini merupakan satu kajian perpustakaan, metod ini menggunakan kaedah menganalisis terhadap buku-buku, artikel jurnal serta penulisan ilmiah yang lain. Hasil kajian mendapati Islam telah menggariskan satu panduan khusus untuk masyarakat dalam berdepan wabak Covid-19 yang melanda. Diharapkan semoga panduan ini dapat dipraktikkan oleh masyarakat Islam di negara kita dalam menghadapi wabak ini.

Kata Kunci : Panduan, Wabak, Covid-19

(SYARAK'S GUIDELINES WHEN FACING A COVID -19 OUTBREAK)

Abstract

At the end of 2019, society is stunned by a new phenomenon that has never been seen before. The emergence of a disease known as the COVID-19 virus has caused widespread panic and fear, as it has the potential to kill. The international community has taken a number of precautionary measures and initiatives to keep this virus from spreading to other parts of the world. Movement control and social distance are two measures that have been taken and shown to be effective in controlling virus infection. Furthermore, maintaining the highest level of hygiene aids in the prevention of the spread of COVID-19. As a result, the purpose of this paper is to explain the guidelines for dealing with the Covid 19 epidemic. This is a library study, and the method employed is one of analysing books, journal articles, and other scholarly writings. According to the study's findings, Islam has outlined a specific guide for the community in the face of the Covid 19 epidemic. It is hoped that the Muslim community in our country will follow this guide in dealing with this epidemic.

Keywords: *Guideline, Outbreak, Covid 19*

Received: October 21, 2021

Accepted: December 28, 2021

Online Published: December 31, 2021

1. Pendahuluan

Penularan pandemik Covid 19 yang berlaku memberi cabaran dalam kehidupan seharian individu, keluarga, masyarakat dan negara pada hari ini. Pandemik COVID-19, juga dikenali sebagai pandemik koronavirus 2019–2020 ialah wabak penyakit koronavirus 2019 yang berterusan secara global berpunca daripada sindrom pernafasan akut teruk koronavirus 2 (SARS-CoV-2). Wabak ini pada mulanya dikesan di pertengahan Disember 2019 di bandaraya Wuhan, Hubei China, dan telah diiktiraf sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020. Semua lapisan masyarakat tidak mengira umur, bangsa, agama dan status pekerjaan terkesan dengan pandemik ini sehingga menuntut kepada perubahan mendadak dalam kehidupan dan pergerakan seharian. (Aziz, 2020).

Penularan wabak Covid 19 ini meletakkan semua negara di dunia berdepan dengan cabaran kritikal ekoran implikasinya memberi impak terhadap nyawa individu dan survival negara. Keadaan ini menyebabkan para pemimpin negara terpaksa menumpukan perhatian serius untuk membendung penularan wabak ini dengan memperkukuhkan pengurusan kesihatan dan menguatkuasakan beberapa peraturan yang mesti dipatuhi oleh rakyat. Fenomena wabak Covid-19 yang semakin meruncing di dunia dan kesan penularannya turut dialami di Malaysia sehingga menimbulkan pelbagai keresahan dalam

kalangan masyarakat dan kewaspadaan di pihak kerajaan. Keresahan atau kebimbangan melampau berkaitan penyakit ini mendatangkan kesan terhadap aspek mental dan fizikal yang serius bagi sesetengah individu. Tekanan yang tidak terkawal menyebabkan seseorang itu runsing, bimbang dan sebagainya (M. Iskandar & Mariam, 2015).

2. Virus Corona

Perubahan hidup manusia kini berubah susulan penularan virus coronavirus (COVID-19) di seluruh dunia. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengkategorikan situasi itu sebagai pandemik, iaitu pandemik COVID-19. Pandemik merupakan wabak yang menyerang dalam skala besar di sesebuah negara pada mulanya, kemudian tersebar secara meluas ke seluruh negara sehingga tidak dapat dikawal dan membunuh ramai orang dalam masa yang singkat (W. Qiu; S. Rutherford; A. Mao; C. Chu, 2016). Pandemik COVID-19 mula dikesan pada pertengahan bulan Disember 2019 di bandar raya Wuhan, Hubei, China. Virus ini pada awalnya telah dinamakan novel coronavirus (2019-nCoV), kemudian WHO telah menamakannya sebagai Coronavirus Disease (COVID-19) yang disebabkan oleh virus Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus-2 yang dikenali dengan singkatan SARS-CoV-2 (W. Joost Wiersinga et. al., 2020). Virus ini telahpun tersebar ke seluruh negara termasuklah Malaysia.

Secara umumnya, Coronavirus (CoV) adalah suatu keluarga besar virus yang menyebabkan pelbagai jenis penyakit yang meliputi demam selesema sehinggalah penyakit serius seperti Severe Acute Respiratory Syndrome Coronavirus (SARS) dan Middle East Respiratory Coronavirus (MERS-CoV). Coronavirus baharu iaitu Novel Coronavirus (2019-nCoV) adalah mana-mana strain baharu virus tersebut yang sebelum ini tidak pernah dikenalpasti atau dikesan pada badan manusia. 2019-nCoV merupakan salah satu ahli daripada Keluarga Coronaviridae, yang boleh diklasifikasi di bawah sub-keluarga Orthocoronaviridae. (Lihat <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan-infografik>)

Virus-virus ini adalah daripada keluarga yang sama seperti virus SARS (Severe Acute Respiratory Syndrome) dan MERS-CoV (Middle Eastern Respiratory Syndrome). Dalam keluarga ini, terdapat juga ahli-ahli yang lain, namun gejala yang dihasilkan adalah lebih ringan, maksudnya mereka mampu juga menyebabkan selesema yang biasa dialami sepanjang tahun. Secara klasifikasi genetik, Coronavirus boleh dibahagi kepada alfa, beta, gamma, dan delta. Virus yang dahsyat seperti SARS-CoV, MERS-CoV dan 2019-Novel Coronavirus diletakkan di dalam satu kumpulan. Pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menamakan wabak ini dengan COVID-19 sebagai singkatan Co untuk Corona, Vi untuk virus dan D untuk penyakit. Dan 19 merujuk kepada mula berlaku pada 2019.

Coronavirus adalah kumpulan virus yang menyebarkan penyakit kepada mamalia, termasuk manusia, dan burung. Ia ditemui pertama kali pada tahun 1960, coronavirus mendapat namanya daripada bentuknya yang seakan-akan mempunyai mahkota, oleh itu ia dinamakan sebagai corona yang membawa maksud mahkota atau crown. Coronavirus adalah salah satu keluarga virus yang besar dan kebanyakannya hidup dalam haiwan seperti unta, lembu, kucing dan juga kelawar. (covid-19.moh.gov.my > FIQH_COVID19_KK25052021-BM)

3. Kronologi Wabak Covid 19

Novel coronavirus (nCoV) atau Covid-19 adalah virus yang telah dikenal pasti menyebabkan wabak yang melibatkan saluran pernafasan dimana ia pertama kali dikesan di Wuhan, China pada 31 Disember 2019. Kes pertama coronavirus dikesan di Wuhan apabila seorang pekerja Pasar Borong Makanan Laut Huanan yang menjual pelbagai jenis hidupan laut, haiwan dan burung jatuh sakit akibat sejenis pneumonia. Pesakit mengalami gejala-gejala seperti selesema atau “flu” dan dikuarantin sementara punca selesema itu dikenal pasti. Keesokan harinya, lokasi utama virus itu disebarkan telah dikenal pasti iaitu melalui sebuah pasar makanan laut. Sejak hari itu, operasi pasar tersebut telah ditutup.

Pada mulanya, kebanyakan daripada pesakit tersebut dikatakan mempunyai kaitan dengan makanan laut dan haiwan yang dijual di Pasar Makanan Laut Wuhan. Akan tetapi bilangan pesakit telah meningkat dan kebanyakan daripada mereka tidak mempunyai sejarah pergi ke pasar tersebut dan ini menunjukkan terdapat jangkitan yang berlaku sesama manusia (human to human transmission). Kajian yang telah dijalankan terhadap haiwan-haiwan yang dijual di pasar tersebut berserta sampel covid-19 yang diperolehi menunjukkan satu kemungkinan bahawa ia berasal daripada virus yang terdapat di dalam ular atau kelawar. Menurut kajian yang dijalankan oleh World Health Organization (WHO), sehingga kini kadar atau kebolehan virus ini merebak diantara manusia masih lagi belum diketahui dan masih di dalam siasatan.

4. Panduan Menghadapi Wabak Covid 19

Penularan wabak Covid-19 merupakan fenomena yang merebak di seluruh dunia. Sehingga kini ratusan ribu manusia yang dijangkiti oleh wabak ini dan sudah banyak pula jiwa yang terkorban disebabkan jangkitan tersebut. Penularannya begitu pantas sehingga seluruh dunia menjadi kelam kabut dan berada dalam keadaan resah dan gusar. Kesemua negara terpaksa menghadapi fenomena global ini dengan mengambil langkah-langkah pencegahan yang drastik supaya penularannya dapat dikawal dan seterusnya dihentikan sama sekali (Komarova, Schang, & Wodarz, 2020). Mari kita hayati beberapa panduan bagi umat Islam dalam menghadapi wabak COVID 19 ini berdasarkan Al-Quran dan al-Hadis.

Pertama : Ujian Pasti Mendatang

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالنَّمْرِ ۖ وَبَشِيرِ الصَّابِرِينَ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Maksudnya : Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. (Iaitu) orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami Kembali.

Surah al-Baqarah 2 : (156)

Pada ayat ini, Allah SWT memberi khabar bahawa Dia menguji hamba-hamba-Nya yang beriman dengan beberapa ujian di saat mereka berada dalam keadaan suka dan duka, dan kesemua mereka akan mendapat pahala jika mereka bersabar terhadapnya. Mereka kemudiannya mengucapkan lafaz istirja' bukti sebagai seorang yang sabar dan syukur. (al-Maraghi, 1365H). Justeru, senjata yang ampuh bagi umat Islam adalah sentiasa berhati-hati, menggunakan kebijaksanaan untuk mengatasi rintangan dan cabaran, di samping doa dan tawakkal kepada-Nya.

Kedua : Mengucapkan Istimaj'

Begitulah petunjuk yang telah diberikan melalui wahyu yang mana apabila berlakunya musibah (kematian) maka antara ciri-ciri mereka yang bersabar dengan musibah tersebut adalah mereka mengucapkan istirja' iaitu ucapan:

إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Maksudnya: "Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali".

Surah al-Baqarah 2 : (156)

Ummu Salamah RA berkata bahawa dia mendengar Rasulullah SAW bersabda:

مَا يُصِيبُ الْمُسْلِمَ مِنْ نَصَبٍ وَلَا وَصْبٍ وَلَا هَمٍّ وَلَا حُزْنٍ وَلَا أَذًى وَلَا غَمٍّ حَتَّىٰ تَشَاكُرَهُ إِلَّا كَفَّرَ اللَّهُ بِهَا مِنْ خَطِيئَاتِهِ.

Maksudnya: "Tidaklah sesuatu menimpa seorang Muslim daripada kelemahan, wabak, kebingungan, kesedihan, sakit, kesusahan sehinggalah kepada duri yang menusuknya, melainkan Allah menghapuskan dengan (itu semua) kesalahannya."

Riwayat al-Bukhari (5641)

Maka jelaslah melalui hadith ini bahawa setiap orang yang beriman digalakkan untuk menyebut lafaz istirja' etika mana ditimpa musibah sama ada musibah tersebut kecil ataupun besar. Imam al-Nawawi menyebut sunat melafazkannya kerana Rasulullah SAW disuruh melafazkannya dan ayat al-Quran juga menunjukkan hal yang sama begitu juga ijma' muslimin. (al-Nawawi. 676H)

Imam al-Qurtubi pula menyatakan dalam tafsirnya, musibah ialah setiap perkara yang menimpa manusia dan menyakiti mereka. (al-Qurtubi, 2006) Perlu difahami di sini bahawa lafaz istirja' ini bukan hanya disunatkan untuk dilafazkan pada waktu berlakunya sesebuah kematian namun ia umum pada setiap perkara atau kejadian yang menimpa manusia apatah lagi menyakiti mereka.

Justeru itu, disunatkan ke atas setiap Muslim untuk mengucapkan lafaz istirja' pada setiap musibah ataupun dugaan yang menimpa diri mereka. Ini kerana ada beberapa hikmah di sebaliknya termasuklah pengakuan terhadap ke-Esaan Allah SWT, kepercayaan pada Hari Akhirat (tempat kembalinya manusia), berserah diri dengan ketentuan Ilahi serta berharap akan ganjaran di sisi-Nya. (al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al- Kuwaitiyyah, 1983)

Ketiga: Jangan Sesekali Menakutkan Orang Lain Dengan Hebahan Yang Tidak Tepat

وَإِذَا جَاءَهُمْ أَمْرٌ مِنَ الْأَمْنِ أَوْ الْخَوْفِ أَذَاعُوا بِهِ وَلَوْ رَدُّوهُ إِلَى الرَّسُولِ وَإِلَى أُولِي الْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعَلِمَهُ الَّذِينَ يَسْتَنْبِطُونَهُ مِنْهُمْ
وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَتُهُ لَاتَّبَعْتُمُ الشَّيْطَانَ إِلَّا قَلِيلًا

Maksudnya : Dan apabila datang kepada mereka sesuatu berita mengenai keamanan atau kecemasan, mereka terus menghebahkannya; padahal kalau mereka kembalikan sahaja hal itu kepada Rasulullah dan kepada - "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) di antara mereka, tentulah hal itu dapat diketahui oleh orang-orang yang layak mengambil keputusan mengenainya di antara mereka; dan jika tidaklah kerana limpah kurnia Allah dan belas kasihannya kepada kamu, tentulah kamu (terlepas) menurut Syaitan kecuali sedikit sahaja (iaitu orang-orang yang teguh imannya dan luas ilmunya di antara kamu).

Surah al-Nisa' 4 : (83)

Tahniah sekali lagi kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) kerana telah menghimpunkan senarai berita-berita palsu berhubung wabak COVID-19.

Keempat: Mengambil Asbab Kerana Ia Termasuk Dalam Hakikat Tawakkal

Menjadi sunnatullah agar kita berusaha dan mencari sebab bagi melaksanakan sesuatu atau mengenal sebarang bentuk penyakit seterusnya dengan itu dapat mencari ramuan serta rawatan untuk penyakit tersebut. Benarlah hadith Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Abu al-Darda' R.A, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالذَّوَاءَ، وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَاوُوا وَلَا تَدَاوُوا بِحَرَامٍ

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah Taala telah menurunkan penyakit dan ubat dan menjadikan bagi setiap penyakit itu ubatnya, maka berubatlah kamu dan jangan kamu berubat dengan benda yang haram."

Riwayat Abu Daud (3874)

Dalam konteks COVID-19, kita digalakkan untuk berjaga-jaga dan menjaga kesihatan diri dengan mengikuti segala bentuk panduan daripada KKM.

Kelima: Memahami Nas Dengan Sebaiknya

لَا عَدْوَى

Maksudnya: "Tidak ada penyakit yang berjangkit."

Riwayat al-Bukhari (5770)

Apa yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW dalam hadith ini adalah bahawa penyakit berjangkit itu tidak dapat menular dengan sendirinya. Akan tetapi Allah SWT yang

menjadikan penularan penyakit itu dengan sebab-sebabnya. Antaranya disebabkan bergaulnya orang yang sakit dengan orang yang sihat serta sebab-sebab lain yang boleh menyebabkan penularan penyakit.

Keenam: Memelihara Kesihatan Melalui Kebersihan Adalah Perintah Syarak.

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.

Surah al-Baqarah (222)

Syeikh Ali al-Sobuni berkata: “Sesungguhnya Allah amat mencintai orang yang bertaubat dari dosa dan membersihkan diri daripada perbuatan yang tercela dan juga daripada kekotoran.” (al-Sabuni., 1993)

Ketujuh: Kaedah Pencegahan

Bagi mengelakkan penyakit berjangkit, banyak kaedah pencegahan yang disarankan oleh pakar yang berautoriti. Dalam Islam, Rasulullah SAW telah memberikan asas pencegahan yang baik melalui udara (airbone), titisan (droplet) mahupun sentuhan (contact).

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا عَطَسَ غَطَّى وَجْهَهُ بِيَدِهِ أَوْ بِنُؤْبِهِ وَغَضَّ بِهَا صَوْتَهُ

Maksudnya : Bahwasanya apabila Nabi Saw bersin, beliau menutup wajah dengan tangan atau kainnya sambil merendahkan suaranya.

Riwayat Abu Daud (5029)

Praktikal pada zaman ini adalah dengan memakai face mask (penutup muka) bagi menghalang air liur, kahak dan hingus si pemakai dari tersebar ke udara ketika batuk atau bersin.

لَا يُوردنَ مُمرضَ على مُصحِّحٍ.

Maksudnya: “Janganlah pemilik unta yang sakit membawakannya kepada unta yang sihat.”

Riwayat al-Bukhari (5771)

إِذَا سَمِعْتُمْ بِالطَّاعُونَ بِأَرْضٍ فَلَا تَدْخُلُوهَا، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا

“Dari Usamah bin Zaid R.A dari Nabi S.A.W: “Apabila kamu mendengar berlakunya wabak taun di suatu negeri, maka janganlah kamu memasukinya. Dan apabila berlaku dalam negeri kamu berada di dalamnya, maka jangan kamu keluar.”

Riwayat al-Bukhari (5728)

Hadith ini menunjukkan bahawa pemerintah boleh mengambil tindakan kuarantin terhadap rakyatnya agar penyakit atau wabak tidak tersebar. ‘Abd al-Rahman bin ‘Auf R.A pernah menyebutkan hadith ini kepada Khalifah ‘Umar bin al-Khattab ketika beliau bercadang pergi

ke Syam semasa wabak taun sedang merebak di sana. Mendengar hadith ini, Amirul Mukminin ‘Umar al-Khattab membatalkan hasratnya. (al-Bidayah wa al-Nihayah, 1997). Hadith-hadith di atas ini menyimpulkan tiga hikmah terbesar bagi mencegah penularan penyakit berjangkit iaitu:

1. Tidak berada di tempat yang berisiko tinggi
2. Menjaga kebersihan diri
3. Keperluan kuarantin bagi pesakit yang mengidap penyakit berjangkit

Kelapan: Tabayyun Setiap Berita Yang Diperoleh

Terdapat kaedah masyhur yang berdasarkan nas Ilahi, firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ

Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.

Surah al-Hujurat 49 : (6)

Syeikh Ali al-Sobuni berkata: “Jika datang kepada kamu seorang lelaki fasiq yang mana dia tidak boleh dipercayai dengan kebenaran dan keadilannya, dengan apa yang diberitakan, maka hendaklah kamu menyemak akan kesahihan berita. Ini supaya kamu tidak mengenakan hukuman atau musibah kepada satu-satu kaum sedangkan kamu jahil tentang hakikat sebenar. Ketika itu, jadilah kamu menyesal tak sudah atas perbuatan kamu. (Safwah al-Tafasir, 1993)

Berdasarkan huraian di atas, dapat difahami bahawa antara adab-adab tabayyun adalah mengelakkan diri daripada mendengar sesuatu berita yang belum dapat dipastikan kesahihannya oleh pihak yang berautoriti. Sebab itulah dalam surah al-Hujurat juga, prinsip tabayyun diseirinkan dengan ayat yang menuntut umat bersangka baik dan tidak mudah menjatuhkan hukum atau kesimpulan sebagaimana yang disebut pada ayat ke-12 dalam surah yang sama. Umat Islam hendaklah menjadi pembawa berita gembira dan bukan menakutkan orang ramai dengan berita palsu dan analisis yang bukan daripada ahlinya. Inilah yang diajar oleh Nabi SAW. Sebagai contohnya, apabila Baginda SAW menziarahi orang sakit, makanya Baginda SAW akan memberi semangat kepadanya dengan berkata:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِتْمٌ

Maksudnya : Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa.

Surah al-Hujurat 49 : (12)

لَا بَأْسَ ظَهَرَ إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Maksudnya : Tidak mengapa semoga suci sembuh dengan kehendak Allah SWT

Riwayat al-Bukhari (5656)

Sehingga kini, Covid-19 telah merebak dan menular dengan begitu pantas sehingga meragut ribuan nyawa dan menggugat kehidupan jutaan manusia dari segi ekonomi, kesihatan, pentadbiran, keselamatan dan lain-lain lagi. Covid-19 ini bukan hanya sekadar wabak yang mesti dijauhi dan dihindari oleh setiap individu, bahkan ia juga suatu bentuk ujian daripada Allah SWT untuk menguji hamba Nya. Benarlah firman Allah SWT:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ

Maksudnya : Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar.

Surah al-Baqarah 2 : (155)

Maka, dengan ujian inilah, perlunya bagi setiap individu Muslim menghadapinya dengan sebuah kesabaran, setinggi kepatuhan kepada para pemerintah, sedaya usaha dan upaya mengatasi wabak ini serta menjaga kesihatan diri dan ahli keluarga, diiringi dengan sejangkit doa yang penuh pengharapan dan juga permohonan agar Allah SWT menjauhkan diri kita dari wabak yang berbahaya ini.

5. Kesimpulan

Sebagai orang beriman mereka dituntut untuk redha dengan ketetapan yang Allah SWT telah tentukan. Justeru Allah SWT akan menganugerahkan kepada mereka hidayah dan petunjuk dengan keimanan mereka terhadap segala yang telah ditakdirkan oleh-Nya. Jika Allah SWT mentakdirkan seluruh dunia dijangkiti virus Covid-19 walaupun setelah pelbagai usaha dan ikhtiar dilakukan, maka sebagai makhluk yang kerdil, manusia tidak dapat membendunginya. Ekoran daripada itu, wabak pandemik Covid-19 semestinya dihayati sebagai siraman rahmat dan kasih sayang Allah SWT kepada mukmin. Dengan erti kata lain, jika penyakit tetap menimpanya, mereka kekal yakin akan anugerah keampunan dan pahala yang besar.

Justeru itu, komitmen kesabaran turut dipertaruhkan dalam menjalani tempoh kuarantin dan isolasi dengan tenang di rumah masing-masing. Sebaliknya bagi orang kafir, hakikat ini kabur dalam ideologi dan pemikiran mereka. Implikasinya mereka terus terbelenggu daripada kearifan hikmah yang cuba disampaikan oleh Allah SWT menerusi wabak ini. Semoga Allah SWT memberikan kesabaran dan ketenangan dalam hati kita, meletakkan keikhlasan dan juga keringanan dalam diri kita untuk sentiasa beribadah kepadaNya agar diangkat segera ujian ini dan dijauhkan diri kita daripadanya, di samping diberikan juga kemudahan dan kesenangan dalam usaha menangani dan membasmi wabak pandemik ini.

RUJUKAN

- al-Maraghi , Ahmad Mustafa Musthafa (1365H). Tafsir al-Maraghi. Jilid 1. Al-Babiy Al-Halaby : Mesir.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf. (676H) Jilid 6. Al-Minhaj Sharh Muslim bin al-Hajjaj Sahih Muslim. Dar Al-Marefat :Beirut
- Al-Quran Al-Karim
- al-Qurtubi. Abu Abdillah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakar. al-Jami' li Ahkam al-Quran. (2006). Mu'assasah al-Risalah: Beirut
- al-Sabuni, Muhammad 'Ali. (1993). Safwah al-Tafasir. Jilid 1. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyyah
- Aziz, A. R. (2020). Wabak Covid-19: Pengurusan Aspek Kesihatan. *International Journal of Social Science Research*, Vol. 2, No. 4, 156-174.
- Coronavirus Simptom, punca dan rawatan, Diakses dari https://pku.upm.edu.my/article/coronavirus_simptom_punca_dan_rawatan-55053, 27/1/2020
- Coronavirus: Simptom, Punca dan Rawatan, Diakses dari [http://www.moh.gov.my/moh/press_releases/Kenyataan%20Akhbar%20DG%20COVID19%20\(4%20MAC%20202\).pdf](http://www.moh.gov.my/moh/press_releases/Kenyataan%20Akhbar%20DG%20COVID19%20(4%20MAC%20202).pdf);
- Facebook rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia. Diakses dari <https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/posts/10156695650196237>
- Kementrian Wakaf dan Urusan Agama Kuwait,(1983).Al Mause'ah Al Fiqhiyah Al Kuwaitiyah. Jilid 3.
- Komarova, N. L., Schang, L. M., & Wodarz, D. (2020). Patterns of the Covid-19 pandemic spread around the world: exponential versus power laws. *Journal of the Royal Society Interface*, 17(170). <https://doi.org/10.1098/rsif.2020.0518>.
- M. Iskandar & Mariam M. Nor. (2005). Kawal Emosi Elak Stres. Selangor: Workplace-English Enterprise
- W. Joost Wiersinga et. al. (2020), Pathophysiology, Transmission, Diagnosis, and Treatment of Coronavirus Disease 2019 (COVID-19), *Clinical Review & Education*, 324(8), 782-793.
- W.Qiu, S. Rutherford, A. Mao & C. Chu (2016). Vol 9–10. Health, Culture and Society, Wuhan infografik. <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan-infografik>
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri, covid-19.moh.gov.my › Fiqh_COVID19_KK25052021-BM